

NOTIS MAKLUMAN

TATACARA PENDAFTARAN PEMBATALAN GADAIAN DOKUMEN HAK MILIK DI PEJABAT TANAH (BORANG 16N) / MAHKAMAH TINGGI (REASSSIGNMENT & RELEASE)

1. Tuan/puan adalah dipohon untuk mengambil tindakan berikut:
 - i) Mengemukakan Suratcara Melepaskan Gadaian yang telah dibuat penyaksian ke Pejabat Duti Setem yang berhampiran untuk **tujuan penyeteman dengan kos sebanyak RM10.00** atau **pengendorsan pengecualian duti setem**; dan
 - ii) Mengemukakan Suratcara Melepaskan Gadaian (**Borang 16N**) beserta **Borang 30A** dan **Perintah Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (Tarikh Peletakhakan) 2015** ke Pejabat Tanah untuk tujuan pendaftaran pembatalan gadaian/ **Borang Reassignment & Release** beserta **Perintah Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (Tarikh Peletakhakan) 2015** ke Mahkamah Tinggi untuk tujuan pendaftaran pembatalan gadaian.
2. Kos duti setem (jika ada), pendaftaran pelepasan gadaian dan pendaftaran Borang 30A akan **dibiayai oleh LPPSA untuk serahan kali pertama sahaja**. Bagi tuntutan balik bayaran, peminjam hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen berikut:
 - i) Resit asal pembayaran;
 - ii) Salinan muka depan buku bank (peminjam) yang disahkan oleh pihak bank; dan
 - iii) Salinan kad pengenalan peminjam.
3. Dokumen-dokumen tersebut boleh dihantar/dialamatkan kepada Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam, No. 9, Kompleks Kementerian Kewangan, Persiaran Perdana, Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62592 Putrajaya, (**U.P: Jabatan Cagaran, Unit Bil**).